

1

KEUSAHAWANAN ISLAM

PENGENALAN

Secara prinsipnya, kerangka keusahawanan menurut perspektif Islam mengandungi garapan tentang prinsip-prinsip muamalah yang bersifat dinamis dan dikodifikasikan sebagai peraturan perekonomian yang sentiasa memenuhi kehendak dan realiti sosioekonomi masyarakat semasa. Konsep keusahawanan Islam mempunyai sifat dan nilainya yang unik disebabkan ia dikawal oleh peraturan keagamaan.¹ Dengan lain perkataan, ia dapat difahami bahawa sifat normatif yang membentuk kerangka keusahawanan perlu berasaskan kepada acuan Al-Quran dan panduan yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW (As-Sunnah).

Sehubungan dengan itu, dalam disiplin perundangan Islam, perbincangan yang menyentuh topik keusahawanan² lazimnya diklasifikasikan di bawah komponen *fiqh* muamalah. Dalam disiplin keilmuan ini, ruang lingkup yang berkaitan aktiviti keusahawanan merupakan sebahagian daripada ilmu ekonomi.³ Dari dimensi yang lain, ia turut melibatkan interaksi muamalah manusia secara global berasaskan doktrinisasi tauhid iaitu konsep *hablumminannas* dan *hablumminallah*. Melalui proses ini kepentingan peribadi

¹ Khurshid Ahmad. (1981). *Economic Development in an Islamic*, hlm. 171.

² Definisi keusahawanan mempunyai perbezaan dengan definisi perniagaan. Individu yang dikenali sebagai usahawan mempunyai keupayaan dan mempunyai potensi untuk berfikir secara kreatif, mengenal pasti peluang perniagaan, mengutamakan inovasi untuk bersaing dengan pihak lain dan seterusnya berusaha secara bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan. Berbeza pula dengan peniaga, golongan ini lebih cenderung mengutamakan sebagai seorang yang cuba merialisasikan apa yang telah dirancang dan dirangka oleh usahawan. Untuk keterangan lanjut, lihat Barjoiyoi Bardai. (2000). *Keusahwanan dan Perniagaan*, bahagian 1 hlm. 1-8.

³ Surtahman Kastin Hasan dan Sanep Ahmad. (2005). *Ekonomi Islam*, edisi kedua, hlm. 17-18.

manusia dapat diselaraskan secara harmoni dengan kepentingan umum masyarakat yang berpotensi untuk mewujudkan keadilan dan nilai-nilai murni dalam sistem keusahawanan Islam. Berdasarkan objektif yang murni ini, sistem keusahawanan Islam dilihat bersifat komprehensif disebabkan ia tidak hanya terikat kepada faktor ekonomi semata-mata tetapi juga mengambilkira faktor yang tidak bersifat ekonomi seperti nilai-nilai murni, bersifat kemanusiaan dan sebagainya. Sifat-sifat yang dinyatakan ini mempunyai peranannya dalam mencapai kesejahteraan di alam dunia dan akhirat.

Sekiranya dibuka lipatan sejarah dunia Islam silam, Nabi Muhammad SAW pernah terlibat secara langsung dalam bidang keusahawanan. Asas keusahawanan yang ditinggalkan oleh Nabi Muhammad SAW boleh dijadikan panduan kepada manusia untuk merangka sistem keusahawanan yang dinamik dan mengenal pasti batasan gelagat manusia yang menguruskannya. Oleh kerana bidang keusahawanan dan perniagaan memberi sumbangan yang besar dalam memacu perkembangan ekonomi masyarakat, maka Islam bersikap positif terhadap aktiviti sedemikian.

Sehubungan dengan itu, keunikan yang terdapat dalam sistem keusahawanan Islam disebabkan ia bukan hanya berasaskan kepada *observed principles* atau teori ekonomi ciptaan manusia semata-mata sebaliknya ia diadunkan dengan *revealed principles* (wahyu). Melalui kombinasi kedua-dua elemen tersebut, ia membentuk disiplin keusahawanan yang bercirikan Islam dan menjadi panduan dan peraturan kepada gelagat hidup manusia untuk berinteraksi sesama manusia dan juga Penciptanya. Secara tidak langsung ia dapat membentuk "*Blueprint Entrepreneurs*" yang strategik dan dalam masa yang sama masyarakat Islam dapat mengelakkan daripada aktiviti keusahawanan yang menyimpang daripada prinsip Islam.⁴

⁴ Fazlur Rahman. (1991). *Islam dan Masalah Keadilan Ekonomi*. Saiful Azhar (terj.), hlm. xiii-xiv.